

NO. SOALAN: 366

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]

RUJUKAN : 10124

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah statistik terkini anak tidak sah taraf ini. Berapa pula peratusan pasangan berkahwin selepas memiliki anak tidak sah taraf.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2006 sehingga 30 Jun 2017, terdapat sebanyak 542,363 pendaftaran kelahiran yang berstatus anak tak sah taraf. Dalam hal ini, dimaklumkan bahawa bukan semua anak tak sah taraf tersebut adalah anak luar nikah. Istilah anak tak sah taraf digunakan oleh JPN bagi kanak-kanak yang dilahirkan dalam situasi seperti mana berikut:

- i. **Ibu dan bapa tidak berkahwin;**
- ii. **Kedua ibu dan bapa berkahwin tetapi-**
 - (a) **tidak didaftarkan mengikut peraturan dan undang-undang Malaysia yang berkuatkuasa; atau**
 - (b) **bagi yang beragama Islam, anak dilahirkan tidak mencukupi enam bulan Qamariah dan dua lahzah daripada tarikh perkahwinan; atau**
 - (c) **perkahwinan luar negara tidak didaftarkan semula sama ada di JPN bagi pasangan bukan Islam atau di Jabatan Agama Islam Negeri bagi pasangan yang beragama Islam.**

- iii. **Anak yang dijumpai terdampar tanpa diketahui identiti ibu bapa.**

Berhubung peratusan pasangan yang berkahwin selepas memiliki anak tidak sah taraf pula, JPN tidak mempunyai rekod tersebut.